



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PUISI-PUISI HADIAH SASTERA UTUSAN MELAYU-PUBLIC BANK:  
KAJIAN GAYA BAHASA**

**ALIAS BIN MD. ZAIN**

**FBMK 2000 1**

**PUI SI-PUI SI HADIAH SASTERA UTUSAN MELAYU-PUBLIC BANK:  
KAJIAN GAYA BAHASA**

**Oleh**

**ALIAS BIN MD. ZAIN**

**Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan  
untuk Ijazah Master Sastera di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia.**

**Oktober 2000**



*DEDIKASI:*

Nor Normah Baharudin, pemberi semangat dan pendorong, rela berkorban apa saja demi mencapai impianku.

Az Kesabaran dan pengorbanan sebagai pembakar semangat meneruskan perjuangan semoga kau juga mempunyai semangat seperti ayahmu.

Ejat Bantuan, sokongan dan keperihatianmu terhadap kajian ini amat bermakna dalam mencapai cita-cita ini semoga kau juga mempunyai semangat untuk mengikut jejak ayahmu.

Adik Pertolongan dan pengorbananmu amat dihargai dan semoga adik dapat meneruskan perjuangan ayahmu ke tahap yang setinggi mungkin.

Abang-abang, kakak-kakak, adik-adik serta rakan-rakan, perjuangan kita belum selesai.

Jawatankuasa Penyelia tesis, dirakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas nasihat, pandangan, tunjuk ajar serta sokongan dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini, Allah s.w.t. jua yang dapat membalas jasa baik kalian.

Ibu dan ayah, terima kasih atas sokongan dan doa kudus kalian.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**PIUSI-PUISI HADIAH SASTERA UTUSAN MELAYU-PUBLIC BANK:  
KAJIAN GAYA BAHASA**

Oleh

**ALIAS BIN MD. ZAIN**

Oktober 2000

**Pengerusi : Encik Kamaruzzaman b. Abdul Kadir**

**Fakulti : Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi**

Gaya bahasa merupakan satu unsur dalam penelitian keindahan hasil seni sastera, sama ada dalam bentuk prosa atau puisi. Dengan itu, kajian ini akan meneliti keindahan gaya bahasa yang terdapat dalam sajak-sajak yang telah memenangi Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank 1987-1996. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti gaya bahasa yang dominan dalam sajak-sajak yang telah memenangi siri hadiah ini.

Teori dan pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah stilistik. Ahli-ahli stilistik telah membahagikan pendekatan ini kepada dua jenis, iaitu kajian tentang unsur-unsur ekspresif bahasa yang dapat menampilkan pemikiran dan perasaan dan kajian tentang gaya bahasa pengarang secara individu. Fokus kajian ini ialah gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang yang memenangi hadiah sastera ini. Hal ini bertepatan dengan objektif kajian.



Hasil kajian ini menunjukkan bahwa gaya bahasa perbandingan yang merangkumi simile, personifikasi, hiperbola, metafora dan alusi merupakan gaya bahasa yang dominan dalam analisis sajak-sajak yang telah memenangi hadiah ini, diikuti oleh unsur gaya bahasa penegasan yang merangkumi anafora, epifora, pengulangan frasa dan ayat.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
Fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

**POEMS OF THE UTUSAN MELAYU-PUBLIC BANK:  
A STUDY OF STYLE**

By

**ALIAS BIN MD. ZAIN**

**October 2000**

**Chairman : Encik Kamaruzzaman bin Abdul Kadir**

**Faculty : Faculty of Modern Languages and Communication**

The thesis examines the elements of style found in poems which have won *The 1987-1996 Utusan Melayu –Public Bank Literary Award*. The main objective of the study is to identify the dominant style found in these poems. This thesis employs the stylistic approach and theory in trying to achieve its aims. There are two types of stylistic approaches: a study on the expressive language used which enables the thought and feelings of the poet to be manifested and a study on the individual style of the poets.

Findings of this research show that comparative language style covering simile, personification, hyperbole, metaphors, and allusion are most dominant in the course of analysis of the poems. This is followed by language style that shows



emphasis covering anaphora, epiphora and the repetition of phrases and sentences.



## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, pengkaji bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya, penulisan tesis ini dapat disempurnakan. Pengkaji telah mendapat pelbagai bantuan dan sokongan terutamanya daripada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis, iaitu Encik Kamaruzzaman A. Kadir, Dr. Ramli Isin dan Tuan Haji Taha Abd. Kadir, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang banyak memberikan buah fikiran, bimbingan dan tunjuk ajar dalam usaha menyempurnakan penulisan ini.

Penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan penulisan ini. Antaranya kakitangan Utusan Melayu Publications, Perpustakaan Peringatan Za'aba, Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang dan Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Akhir sekali, terima kasih dan penghargaan kepada isteri tercinta, Normah bt. Baharudin dan anak-anak, Azlan, Aizat dan Nurfarhana. Terima kasih juga kepada kedua-dua ibu dan bapa tersayang, seluruh anggota keluarga dan rakan-rakan.

ALIAS BIN MD. ZAIN,  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia.



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Alias bin Md. Zain telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 23 Oktober 2000 untuk menilai tesis Master Sastera yang bertajuk "Puisi-puisi Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank : Kajian Gaya Bahasa" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Ahli Jawatankuasa Pemeriksa calon ini adalah seperti berikut:

SAMSINA BTE. ABD. RAHMAN, Ph.D.  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

KAMARUZZAMAN B. A. KADIR  
Jabatan Bahasa Melayu,  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia.  
(Ahli)

RAMLI @ SA'HARI B. ISIN, Ph.D.  
Jabatan Bahasa Melayu,  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

TAHA B. ABD. KADIR  
Pensyarah,  
Jabatan Bahasa Melayu,  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia.  
(Ahli)



MOHD. GHAZALI MOHAYIDIN, Ph.D.  
Profesor,  
Timbalan Dekan Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia.

Tarikh: 28 NOV 2001

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Master Sastera

---

**AINI IDERIS, Ph.D.**  
Profesor,  
Dekan Pusat Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia.

Tarikh:

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.



---

ALIAS BIN MD. ZAIN

Tarikh: 28 NOV 2001



## SENARAI KANDUNGAN

	HALAMAN
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
LEMBARAN PENGESAHAN	viii
PENYATAAN KEASLIAN	x
SENARAI KANDUNGAN	xi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
<b>BAB</b>	
<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>
	Pengenalan 1
	Latar Belakang Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank 5
	Pernyataan Masalah 14
	Kepentingan Kajian 15
	Objektif Kajian 16
	Batas Kajian 17
<b>II</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b> 19
<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>
	Reka Bentuk Kajian 37
	Pemilihan Bahan Kajian 39
	Pendekatan Kajian 39
<b>IV</b>	<b>GAYA BAHASA DALAM PUISI-PUISI HADIAH SASTERA UTUSAN MELAYU-PUBLIC BANK 1986-1996</b>
	Pengenalan 48
	Gaya Bahasa Perbandingan 45
	Simile 50
	Personifikasi 60
	Metafora 78
	Hiperbola 93
	Alusi 111
	Gaya Penegasan 123
	Pengulangan 124
	Anafora 125
	Epifora 136
	Responsi 139
	Anadiplosis 142
	Pengulangan Baris 143



	Pengulangan Rangkaian Kata atau Frasa	154
	Pengulangan Kata	159
	Inversi	163
	Asonansi	168
	Aliterasi	170
<b>V</b>	<b>KESIMPULAN</b>	<b>173</b>
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>179</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	
	A.1 Senarai Pemenang 1987	183
	A.2 Senarai Pemenang 1988	184
	A.3 Senarai Pemenang 1989	185
	A.4 Senarai Pemenang 1990	186
	A.5 Senarai Pemenang 1991	187
	A.6 Senarai Pemenang 1992	188
	A.7 Senarai Pemenang 1993	189
	A.8 Senarai Pemenang 1994	190
	A.9 Senarai Pemenang 1995	191
	A.10 Senarai Pemenang 1996	192
	B.1 Senarai Pemenang Hadiah Sastera 1987-1996	193
	C.1 Biodata Informan	196
	D.1 Wawancara Informan	197
	<b>BIODATA PENULIS</b>	<b>203</b>



## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Tahun, Antologi dan Jumlah Puisi	17
2	Unsur Simile	58
3	Unsur Personifikasi	77
4	Unsur Metafora	92
5	Unsur Hiperbola	110
6	Unsur Alusi	122
7	Unsur Anafora	135
8	Unsur Epifora	138
9	Responsi	142
10	Pengulangan Baris	153
11	Pengulangan Frasa	158
12	Pengulangan Kata	163



## SENARAI SINGKATAN

Hlm

Halaman

DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka

Bil

Bilangan

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### Pengenalan

Gaya bahasa merupakan satu unsur dalam penelitian keindahan hasil seni sastra dalam bentuk prosa atau puisi. Keindahan ini khususnya puisi, berkait rapat dengan pemilihan kata-kata atau diksi yang dapat melahirkan pemikiran dan perasaan yang mendalam atas kepekaan penyair dengan suasana persekitarannya. Penyair akan memilih kata-kata yang tepat dan berkesan agar maksud yang ingin disampaikan dapat dinikmati sepenuhnya oleh khalayak. Penyair seboleh-bolehnya menggunakan sedikit kata tetapi mempunyai tafsiran yang luas, meliputi yang tersurat dan tersirat.

Puisi merupakan istilah moden pinjaman daripada bahasa Indonesia yang bermaksud karangan berangkap yang mementingkan persajakan, irama, suku kata dan pilihan kata-kata (Nurazmi Kuntum, 1991:25). Za'aba (1965:218) memberikan pengertian puisi sebagai karangan berangkap. Kennedy pula menyatakan puisi adalah penyusunan kata-kata berirama yang melahirkan pemikiran, digubah untuk menimbulkan perasaan gembira dan seronok serta membangkitkan emosi (Kennedy, J.X. 1987:407). Berdasarkan definisi yang

diberikan, puisi merupakan karangan berangkap yang mengandung kata-kata terbaik dan disusun dengan indah untuk melahirkan pemikiran dan perasaan.

Apabila menyebut karangan berangkap khususnya puisi, khalayak tidak boleh lari daripada menggunakan bahasa sebagai medium utamanya. Dengan itu, tanpa bahasa bererti tiada puisi. Jadi, bahasa mempunyai perkaitan dengan gaya pengucapan seorang penyair atau pengarang yang dinamakan gaya bahasa.

Gaya bahasa merupakan satu aspek yang penting dalam penulisan karya kreatif sama ada dalam bentuk prosa mahupun puisi. Daripada perkataan 'gaya' itu sendiri adalah jelas menunjukkan bahawa kata itu membawa maksud 'cara'. Oleh itu, mereka yang terlibat dalam penulisan karya kreatif sememangnya mempunyai gaya yang tersendiri untuk menyampaikan sesuatu maksud dalam karya mereka kepada khalayak atau pembaca. Cara yang tersendiri ini amat bergantung kepada keupayaan pengarang atau penyair menguasai bahasa sebagai medium utama dalam mengungkapkan pemikiran dan perasaan dalam karya.

Paul Valery (1972:63) menyatakan bahawa untuk menghasilkan satu gubahan yang cantik dan berseni tentu sekali kepelbagaian unsur digunakan. Salah satu daripada unsur tersebut ialah bahasa. Jelas di sini, bahawa bahasa tidak dapat dipisahkan daripada puisi. Tanpa bahasa, penyair tidak dapat memilih kata-kata pilihan untuk digubah bagi menyampaikan maksud tertentu yang mengandung pemikiran dan perasaan. Kata-kata pilihan ini pula



dapat menimbulkan kesan kepada khalayak berdasarkan tanggapan dan tafsiran dan intepretasi masing-masing.

Tafsiran pelbagai makna ini seiring dengan pendapat Croce, B. (1972:48) yang menyatakan bahawa setiap kata dapat menggambarkan seribu makna dan kata itu pula membawa pengertian tertentu. Di sini dapat kita lihat bahawa gabungan kata-kata yang dipilih dan digubah oleh penyair, mengandungi pemikiran dan perasaan yang ingin disampaikan kepada khalayak. Oleh sebab itu, penyair perlu memilih kata-kata yang tepat dan sesuai dengan mesej yang diinginkannya. Dalam sesebuah karya kreatif khususnya puisi, apa sahaja yang diungkapkan di dalamnya, merupakan cetusan pemikiran dan perasaan penyair. Untuk mengungkapkan pemikiran dan perasaan ini, penyair menggunakan pelbagai kemungkinan atau manipulasi bahasa agar karyanya indah, kuat dan menarik.

Antara seorang penyair dengan penyair yang lain, terdapat perbezaan dalam memanipulasikan bahasa dan hal ini pula semacam konsisten. Oleh sebab itu, timbullah istilah ideosinkrasi, iaitu sebagai pengenalan kepada gaya bahasa keperibadian seseorang pengarang atau penyair. Dengan kata lain, apabila banyak dan sering membaca hasil karya seseorang penyair, khalayak boleh tahu siapa penyairnya tanpa merujuk kepada nama penyair tersebut. Hal ini juga ada kaitannya dengan kebiasaan atau kecenderungan seseorang penyair menggunakan kata-kata yang kerap kali digunakan dan kata-kata yang disukai dalam karyanya. Hal ini diukur dalam satu jangka waktu yang



panjang. Oleh hal yang demikian, bahasa mempunyai peranan yang sangat penting dalam menghasilkan sajak.

Farid M. Onn (1982:87), menyatakan bahawa penggunaan kata depan 'di' menimbulkan suatu usaha deviasi yang sistematis dalam sajak-sajak Dharmawijaya, walaupun beliau menyedari bahawa kata depan ini hanya mengambil bentuk kata nama yang menunjukkan tempat atau ruang dalam situasi normal. Sebagai contoh:

“kerana antara *di ini* gigih jiwa  
tak pernah seia sekata”

“Sekadarkan *di tiap* ucap dan kenang  
air mata ini sering berlinang

lantas *di pagi* petang yang berlaku  
tinggallah para kekasihku

pastilah *di tidur* jaga anak-anakmu  
sayu matanya ke sawah ladang”

(Farid M. Onn, 1982:88)

Dalam bait-bait sajak Dharmawijaya di atas, jelas menunjukkan penggunaan kata depan 'di' digunakan pada tempat yang tidak sepatutnya. Di sinilah letaknya ideosinkrasi Dharmawijaya sebagai penyair yang prolifik. Hal ini bererti bahawa karya kreatif khususnya sajak, memerlukan penggunaan atau gaya bahasa yang kreatif dan imaginatif, iaitu bahasa yang memenuhi konsep “foregrounding”, mempunyai nilai-nilai estetik yang tinggi hingga dapat menimbulkan kepuasan dan kenikmatan kepada pendengar atau pembacanya. Ciri-ciri bahasa “foregrounding” dapat dilihat sebagai “deviasi”

atau penyimpangan daripada norma gaya penulisan yang berlaku pada bahasa itu dalam sesuatu karya, sama ada dalam bentuk prosa atau puisi, walaupun kesannya lebih dirasai dalam bentuk sastera puisi (Farid M. Onn, 1982:85)

Sebagai rumusannya, penggunaan gaya bahasa yang menarik diberi tumpuan yang sewajarnya oleh seseorang penyajak atau penyair. Hal ini juga berkaitan dengan kecenderungan seseorang penyajak atau penyair dalam memilih dan menyusun kata-kata indah, menarik dan padat. Kata-kata ini dapat mengungkapkan pelbagai tanggapan terhadap khalayaknya. Hal inilah yang akan menjadikan sesebuah karya khususnya sajak, dapat menarik minat khalayak untuk menikmati keindahan gaya bahasa yang terkandung di dalamnya.

### **Latar Belakang Hadiah Sastera Utusan Melayu – Public Bank**

Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank dimulakan pada tahun 1985, dilancarkan atas kesedaran bersama untuk memaju dan meningkatkan mutu kesusasteraan berbahasa Melayu tanah air. Hadiah ini juga bertujuan untuk memberi rangsangan kepada penulis-penulis lama dan baru. Dengan adanya rangsangan ini diharapkan para penulis akan menulis dengan lebih baik iaitu mementingkan kualiti daripada kuantiti.

Utusan Melayu (Malaysia) Berhad sejak kelahirannya pada 1939 di Singapura sentiasa memberikan perhatian berat dalam perkembangan

kesusasteraan kebangsaan. Oleh sebab komitmen yang mendalam dalam sastera maka hampir keseluruhan penerbitan Utusan Melayu menyiarkan karya-karya sastera iaitu cerpen, sajak, dan siri-siri novel. Sebagai sebuah penerbitan terbesar di negara ini, Utusan Melayu mahu karya yang diterbitkan dalam medianya bermutu tinggi. Karya-karya yang bermutu akan dapat mengangkat taraf kesusasteraan tanah air di mata dunia. Dengan cita-cita yang murni ini, Utusan Melayu sentiasa berusaha memberi dorongan dan galakan untuk para penulis meninggikan mutu karya mereka (Wahba dan Noor Aizam al Jeffri, 1990:iii).

Osman Abadi, Pengarang bahagian majalah telah mengemukakan cadangan awal untuk mengadakan hadiah sastera ini. Dengan itu rundingan awal telah diadakan dan pada 24 Disember 1984, mesyuarat pertama antara Pengarang Bahagian Majalah Kumpulan Utusan Melayu dengan Dr. Nordin Selat, selaku Pengarah Perhubungan Awam Public Bank ketika itu telah diadakan. Pada peringkat awalnya, hanya cerpen dan puisi yang disiarkan melalui *Mastika* dan *Wanita* sahaja dinilai dan hadiah ini dinamakan sebagai 'Hadiah Sastera Mastika – Wanita' anjuran bersama Utusan Melayu dan Public Bank. Puan Faridah Idris daripada Utusan Melayu telah dipilih sebagai penyelaras hadiah sastera ini.

Hasil temu bual dengan Puan Nor Azah bt. Abd. Aziz, Ketua Editor bahagian Bahasa dan Sastera Utusan Melayu (M) Sdn. Bhd. pada 6 September 1998, tujuan awal mengadakan hadiah ini adalah untuk meningkatkan perkembangan sastera nasional di samping meningkatkan

prestasi majalah *Mastika* dan *Wanita*, terbitan Kumpulan Utusan Melayu dan meningkatkan prestasi Public Bank sebagai institusi yang turut membantu perkembangan sastera nasional (Nor Azah Abd. Aziz, temu bual, 6.9.98).

Resolusinya, Utusan Melayu dan Public Bank telah bersetuju untuk mengadakan Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank bermula tahun 1985. Hadiah sastera ini dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa bersama (Utusan Melayu dan Public Bank) yang dipengerusikan secara bersama oleh Encik Zainudin Maidin (Zam) dari Utusan Melayu dan Yang Berhormat Senator Dr. Nodin Selat dari Public Bank. Anggota-anggota lain terdiri daripada Faridah Idris (Utusan Melayu) dan Noor Aizam al Jeffri (Public Bank) sebagai Setiausaha bersama serta Latifah Hamzah sebagai Penolong Setiausaha dan Mrs. Wong Mei Cheng, Wan Hamzah Awang (Wahba), Raja Ahmad Niza, Ibrahim Omar, Ahmad Kamsi, Samson Mohd. Nor, Bahyah Mahmood, Roseminah Ahmad, dan Kadri Taib (Wahba dan Noor Aizam al Jeffri, 1990:iii-iv).

Pada tahun 1985, sebanyak 16 buah sajak telah dipilih untuk menerima anugerah, 6 buah sajak dianugerahkan hadiah utama dan 10 buah sajak menerima hadiah sagu hati. Penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang telah diadakan pada minggu pertama bulan Januari 1986 yang telah disempurnakan oleh Menteri Pelajaran. Panel hakim yang meneliti karya-karya tersebut ialah Keris Mas, Baha Zain dan Asiah Sarji.



Selain merangsang penyajak-penyajak dan penulis-penulis lama dan baru untuk menghasilkan karya, hadiah ini juga bertujuan untuk meningkatkan mutu karya dan menambah bilangan bahan sastra di negara ini serta menyemaikan semangat muhibah di kalangan masyarakat melalui sastra (Nor Azah Abd. Aziz, temu bual 6.9.98).

Dr. Nordin Selat, Pengarah Perhubungan Awam Public Bank Bhd dalam kertas kerja beliau, "Mengapa Hadiah Sastra Utusan Melayu-Public Bank" yang telah dibentangkan dalam Majlis Diskusi Hadiah Sastra Utusan Melayu-Public Bank yang telah diadakan di Sudut Penulis Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 30 Jun 1990, menyatakan antara lain tujuan hadiah ini, bukanlah untuk menyaingi hadiah sastra yang sedia ada. Beliau juga menegaskan bahawa hadiah ini bukanlah satu pertandingan atau sayembara tetapi hanya sebagai penghargaan kepada penulis yang menghasilkan karya kreatif agar peminat sastra terus dapat menikmati karya sastra. Selain itu, penulis juga mendapat ganjaran dan pendedahan meluas oleh pelbagai penerbitan Utusan Melayu sama ada majalah mahupun akhbar.

Karya-karya yang memenangi Hadiah Sastra Utusan Melayu-Public Bank dibukukan dalam dua antologi, iaitu cerpen-cerpen umum, berjudul "Penantian" (1986) , dan sajak dan cerpen-cerpen remaja, "Terasing" (1986),

Pada tahun 1986, penelitian sajak-sajak diperluas kepada majalah-majalah seperti *Al-Islam*, *Kiblat*, *URTV*, *Utusan Filem dan Fesyen*, dan akhbar-akhbar *Utusan Zaman*, dan *Mingguan Malaysia* selain majalah *Mastika*

dan *Wanita*. Hadiah juga bertambah iaitu untuk kategori cerpen remaja dan hadiah khas cerpen dan sajak untuk penulis bukan bumiputera. Dengan adanya hadiah sastera ini telah berjaya mencungkil dan melahirkan lebih ramai penulis Melayu dan bukan Melayu untuk menghasilkan karya sastera mereka.

Bagi penulis veteran, hadiah ini menyemarakkan kembali semangat mereka untuk berkarya dan bagi penulis muda pula, hal ini merupakan satu insentif kepada mereka untuk terus bergiat dalam bidang karya kreatif. Golongan ini akan terus menimba ilmu penulisan agar mereka dapat menguasai sepenuhnya teknik dan gaya persembahan yang mantap bagi menggantikan penulis-penulis veteran kini. Impaknya, golongan ini dapat meneruskan kesinambungan kegemilangan arena kesusasteraan Melayu tanah air agar kegiatan ini tidak terkubur begitu saja tanpa pembelaan yang sewajarnya daripada penulis-penulis dan penyair-penyair tempatan.

Pada tahun 1987, panel hakim telah membaca dan menimbangkan sebanyak 436 buah sajak yang tersiar dalam surat khabar *Utusan Zaman* dan *Mingguan Malaysia* serta majalah-majalah *Mastika*, *Wanita*, *Kiblat*, *Al-Islam* dan *Utusan Radio dan Televisyen (URTV)*. Walaupun bilangan sajak yang disiarkan tidak kurang daripada tahun-tahun sebelumnya, namun panel hakim masih belum puas hati dengan pencapaian yang ditunjukkan oleh penyair-penyair pada amnya sepanjang tahun 1987. Bahkan terasa oleh panel hakim bahawa agak sukar hendak memilih sajak-sajak yang benar-benar baik. Antara sebab yang dilaporkan ialah kebanyakan sajak merupakan pernyataan

yang langsung (*direct*) dan sedikit sekali yang berusaha untuk menyalut pernyataannya dengan gaya yang puitis (Wahba dan Nor Aizam al Jefri, 1988:105:106).

Sajak-sajak yang menang telah dipilih kerana kebenaran dari segi idea yang panel rasakan tetap “transcendental” yang mempengaruhi persepsi penyair, dan dari segi pengolahan bentuk dan bahasa juga, yang akan sentiasa segar dan menusuk perasaan, walau apapun perasaan itu (Wahba dan Nor Aizam al Jefri, 1988:106).

Pada tahun 1988, panel hakim telah membaca sebanyak 439 buah sajak yang disiarkan dalam akhbar-akhbar *Utusan Zaman* dan *Mingguan Malaysia* serta majalah-majalah *Mastika*, *Wanita*, *Kiblat* dan *Al-Islam*. Hadiah dikategorikan kepada hadiah utama, saguhati dan hadiah khas untuk penyair bukan Melayu (Wahba dan Nor Aizam al Jefri, 1989:98).

Tahun 1990, panel hakim telah menemui beberapa perkembangan menarik pada sajak-sajak yang memenangi Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank. Antaranya, sajak-sajak tersebut mengemukakan perasaan dan pemikiran dalam pernyataan yang penuh kehalusan. Hal ini terlaksana hasil daripada kesedaran penyair-penyairnya bahawa hakikat puisi lebih cenderung untuk menggambarkan sesuatu dan bukan menerangkan.

Selanjutnya, beberapa buah sajak yang dipilih adalah karya penyair yang pertama kali muncul sebagai pemenang dalam siri hadiah ini. Antaranya